

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan berkenaan pemilikan restoran khususnya di Lembah Klang yang mempunyai lambakan pengusaha warganegara asing dan adakah pemantauan berkala dilakukan ke atas restoran-restoran ini bagi memastikan mereka memiliki lesen perniagaan yang sah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerang, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan syarat-syarat permohonan lesen premis melibatkan permohon bukan warganegara dengan menetapkan beberapa aktiviti yang tidak dibenarkan termasuklah aktiviti kedai makan/restoran. Bagi kedai makan/restoran jenama antarabangsa dan eksklusif sahaja adalah dibenarkan.

DBKL juga menetapkan syarat bagi pekerja di premis perlulah terdiri daripada 50 peratus pekerja warganegara dan 50 peratus pekerja bukan warganegara.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, DBKL juga membuat pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan di Kuala Lumpur bagi memastikan pengusaha mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan dan jika didapati pengusaha telah melanggar syarat-syarat lesen, tindakan pembatalan lesen akan dibuat ke atas premis berkenaan. DBKL juga berkerjasama dengan jabatan/agensi yang lain khususnya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memantau penglibatan warganegara asing ini melalui tindakan operasi bersepadu.

Sekian, terima kasih.